

15 AUG 1998

Mahathir-Penggiliran

PENGGILIRAN DITERUSKAN KECUALI SABAH RASA TIDAK PERLU

KOTA KINABALU, 15 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sistem penggiliran jawatan ketua menteri di antara tiga kaum utama di Sabah akan diteruskan kecuali rakyat Sabah inginkan yang sebaliknya.

"Sistem penggiliran jawatan itu akan diteruskan sehingga mereka (rakyat Sabah) sendiri berpendapat bahawa ia tidak perlu diteruskan," katanya pada persidangan berita di terminal lama lapangan terbang Kota Kinabalu di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di akhir lawatan tiga hari ke Labuan dan Sabah, petang ini.

Beliau bagaimanapun berkata sistem itu berjalan lancar di Sabah dan semua parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri telah menampakkan kerjasama yang baik.

Sistem itu dicadangkan oleh beliau sebelum pilihan raya negeri Februari 1994 bagi memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam, bagi menerajui kerajaan negeri masing-masing untuk tempoh dua tahun.

Sistem itu dimulakan oleh Umno dengan pelantikan Tun Sakaran Dandai sebagai Ketua Menteri pada Mac 1994 dan kemudian digantikan oleh Datuk Salleh Tun Said pada Disember tahun yang sama apabila Sakaran dilantik Yang Dipertua Negeri.

Salleh kemudian digantikan oleh Datuk Yong Teck Lee pada Mei 1996 bagi mewakili masyarakat Cina dan beliau kemudian digantikan oleh Tan Sri Bernard Dompok bagi mewakili kaum Bumiputera bukan Islam pada 28 Mei lepas.

Pada persidangan berita itu, Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, turut ditanya mengenai pilihan raya negeri Sabah dan sama ada ramalan bahawa ia akan diadakan pada Oktober tahun ini adalah sesuatu yang benar.

Kepada soalan ini, Dr Mahathir secara bergurau berkata: "Saya sedang melihat secara serius pada bulan September, Oktober, November sehingga Mac tahun depan (tempoh akhir penggal pemerintahan BN sekarang)."

Mengenai peluang BN pada pilihan raya itu, beliau berkata ia adalah cerah kerana perpaduan dalam BN adalah baik dan kalau ia dapat dikekalkan, BN akan memenangnya.

Kepada soalan mengenai kemungkinan parti pembangkang akan menggunakan isu kegawatan ekonomi untuk menarik sokongan, Dr Mahathir berkata, isu itu juga boleh digunakan oleh BN terhadap pembangkang kerana keadaan di Sabah ketika ia diperintah kerajaan pembangkang adalah lebih teruk.

Dr Mahathir juga berkata parti-parti komponen BN di Sabah boleh mengemukakan cadangan mengenai calon masing-masing pada pilihan raya itu tetapi keputusan akhir akan dibuat oleh beliau dan biasanya sebarang keputusan yang dibuatnya, akan diterima.

Kepada soalan sama ada semua sembilan parti komponen BN Sabah akan mempunyai calon masing-masing pada pilihan raya akan datang, beliau berkata ia belum diputuskan.

Mengenai kekosongan jawatan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah ekoran peletakan jawatan Datuk Abdul Ghapur Salleh baru-baru ini, Dr Mahathir berkata perkara itu akan dibincangkan tetapi buat masa ini belum ada keputusan mengenainya.

-- BERNAMA

JS AKD